

Jadual temuduga kakitangan sumber

Tujuan temuduga ini adalah bagi mendapatkan pandangan tuan/puan tentang keperluan latihan bagi golongan pengurus pertengahan di sekolah. Temuduga ini di bahagikan kepada dua bahagian

Bahagian A ; Latar belakang responden

1. Jantina ; .....
2. Berapakah umur anda sekarang ; .....
3. Kelayakan akademik tertinggi tuan/puan ; .....
4. Kelayakan ikhtisas tuan/puan ; .....
5. Bidang pengkhususan semasa latihan perguruan  
Major ; .....  
Minor ; .....
6. Bidang tugas anda di sekolah ; .....
7. Pengalaman anda menjadi guru ; .....
8. Pengalaman anda memegang jawatan sebagai guru kanan mata pelajaran  
.....
9. Adakah anda pernah menghadiri apa-apa latihan pengurusan sekolah  
setakat ini? Ya/ Tidak.

## Bahagian B

### 1. Kepimpinan dan Pengurusan

- a. Sejak menjadi ketua jabatan apakah perancangan yang anda lakukan bagi bidang anda?
- b. Adakah anda membuat perancangan kurikulum bagi mata pelajaran di bawah bidang anda?
- c. Adakah anda menentukan takwim bagi menjalankan aktiviti bagi bidang anda?
- d. Bagaimana tentang penyeliaan pengajaran di bilik darjah?( Berapa kali dan masalah )
- e. Bagaimana tentang mendaftar dan menyelenggara fail-fail jabatan anda mengikut piawai yang ditetapkan?
- f. Adakah anda membuat perancangan belanjawan di bawah bidang anda untuk ditujukan kepada pihak atasan?
- g. Bagaimana anda mengurus perubahan dalam bidang anda?

### 2. Komunikasi

- a. Sejak menjadi ketua jabatan apakah anda boleh berinteraksi dengan mudah dengan guru-guru di bawah bidang anda?
- b. Terangkan satu situasi yang bermasalah dalam komunikasi dalam tugas anda?
- c. Adakah anda akan memberi maklum balas kepada guru-guru apabila sesuatu tugas di selesaikan dengan sempurna?
- d. Bagaimana anda menyalurkan maklumat kepada pihak atasan dan guru-guru di bawah anda?
- e. Apakah pengetahuan yang anda perlukan bagi mewujudkan komunikasi berkesan dalam pengurusan bidang anda?

### 3. Hubungan antara perorangan

- a. Berapa kalikah anda mengadakan mesyuarat bagi bidang anda?  
Berapa kerapkah anda berhubung dengan ibubapa dan pegawai dari PPD?
- b. Adakah anda selalu meminta pandangan guru-guru semasa bermesyuarat?
- c. Adakah idea anda diterima dalam sesuatu mesyuarat?
- d. Bagaimana anda menangani sesuatu isu dalam mesyuarat sekiranya tidak mendapat sokongan sebulat suara?
- e. Apakah bentuk kemahiran perhubungan perorangan yang anda perlukan untuk berhubung dengan pengetua dan guru-guru?

### 4. Motivasi

- a. Sejak menjadi ketua jabatan bagaimana prestasi guru-guru di bawah anda ?
- b. Sekiranya ada masalah dengan guru-guru di bawah anda apa yang anda lakukan ?
- c. Adakah anda memberi motivasi bagi guru-guru di bawah anda bagi melaksanakan kerja dengan lebih sempurna?
- d. Apakah tindakan anda sekiranya seseorang melakukan kerja dengan baik?
- e. Adakah anda menetapkan pencapaian yang tinggi bagi diri sendiri dan guru-guru di bawah anda?

5. Masalah

- a. Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam pengurusan tugas anda sebagai pengurus pertengahan?
- b. Bagaimana pendapat anda tentang tugas baru sebagai pengurus pertengahan di sekolah?
- c. Apakah perbezaan antara tugas guru biasa dan ketua jabatan?
- d. Sejauhmanakah anda memerlukan bantuan dari pihak pengurusan tertinggi sekolah bagi memudahkan pengurusan tugas anda di sekolah ?